

# 'Sebat di khalayak ramai bukan jalan penyelesaian

24 APR 2002

MELAKA 23 April – Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim berkata, pelaksanaan hukuman sebat di khalayak ramai terhadap pesalah sumbang mahram bukan merupakan jalan penyelesaian terhadap gejala tersebut.

Menurutnya, pendekatan lain juga perlu diambil bagi menangani masalah tersebut lebih-lebih lagi kejadian itu dikaitkan dengan gangguan jiwa di kalangan mereka yang terbabit.

Katanya, hukuman sebat secara terbuka itu merupakan satu faktor dalam mengatasi sumbang mahram tetapi pendekatan secara kerohanian juga perlu diambil.

“Tetapi dengan keadaan yang berlaku sekarang, mungkin pelaksanaan hukuman tersebut dapat mencegah sumbang mahram berlaku terhadap orang lain pula,” katanya kepada para pemberita ketika ditemui pada Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bersetuju supaya cadangan hukuman sebat di khalayak ramai dikenakan terhadap pesalah sumbang mahram sekiranya

orang ramai menyambut baik pelaksanaan hukuman itu.

Dr. Ismail berkata, beliau sebenarnya lebih suka melihat masalah itu diselesaikan melalui kaunseling, kesedaran ibu bapa yang lebih peka terhadap tanggungjawab mereka dan juga kemudahan rumah sesebuah keluarga dipertingkatkan.

“Semua ini merupakan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam mengatasi masalah sumbang mahram,” ujarnya.

Menurutnya, pihak berkenaan juga perlu membuat kajian terhadap gejala sumbang mahram kerana mereka yang terbabit mempunyai masalah kejiwaan.

“Kita memerlukan pakar jiwa untuk melihat dan mengkaji kesemua kes ini melalui fail polis dan juga latar belakang mereka yang terbabit,” katanya.

Sementara itu Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam menyokong langkah untuk mengenakan hukuman sebat di khalayak ramai terhadap pesalah sumbang mahram.

Katanya, hukuman tersebut mungkin dapat menyekat orang lain darinya melakukan perbuatan itu yang kadangkala memabitkan mereka yang kelihatan warak.